



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

18 Jan 2021 (Isnin)

Berita Harian

Pertimbang rayuan peniaga makanan mohon lanjut operasi	1
Bersihkan ' Ali Baba' di Pasar Borong Selangor	2
PKPS gempur aktiviti 'sewa atas sewa' lot jualan	3

Utusan Malaysia

Azmin nasihat Anwar henti main politik	4
Sajat mengaku jalani pembedahan tukar jantung	5

Kosmo

RM100,000 untuk selenggara parit jadi punca kejadian banjir	6
Tapak semeian curi air	7

Berita Harian Online

Darurat tidak jejas keyakinan pelabur	8
KSSB tubuh pasukan khas siasat kejadian tanah runtuh	9
MPK benar penjaja, peniaga pasar pagi kembali beroperasi mulai esok	10
MPK tangguh pembukaan pasar pagi dan pasar tani	11
PKP: Kerajaan pertimbang rayuan peniaga makanan lanjut waktu operasi	12

hmetro.com.my

Kerajaan pertimbang rayuan peniaga di negeri PKP	13
--	----

Selangor TV

ADN Sentosa ganti hotspot sampah haram jadi kebun komuniti	14
MBSJ keluarkan 850 permit sementara tahun lepas	15
MPK tegas pantau SOP	16
MPKj kawal ketat pasar awam patuh SOP	17
Pinjaman BooksFly2u PPAS terus beroperasi	18
Pusat Khidmat DUN Seri serdang bantu 12 peniaga	19

The Star

Azmin: Miti's flood relief mission approved by NSC	20
COUNCIL MATTERS	21
Local plan change 'a step in the wrong direction'	22
Allow markets to open earlier	23

New Straits Times

Factory workers unharmed in 500m sinkhole incident	24
--	----

The Malaysian Reserve

Govt urged to allow wet markets to open at 6am	25
--	----

China Press

Klang morning market reopens, but SOP is stricter	26
2 Chinese primary schools in Morib received RM155,000 from Selangor 2020 Educational Grant	27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pertimbang rayuan peniaga makanan mohon lanjut operasi
Muka Surat	:	5

Pertimbang rayuan peniaga makanan mohon lanjut operasi

Kota Tinggi: Kerajaan sedia menimbang permohonan peniaga makanan di kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) supaya waktu operasi dilanjutkan hingga jam 10 malam dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Menteri Kanan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu sudah dirujuk kepada Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, untuk tindakan lanjut.

"Kerajaan akan mempertimbangkan rayuan peniaga makanan itu dalam masa terdekat, dengan tertakluk kepada nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

"Kita amat memahami keperluan mereka meneruskan perniagaan, apatah lagi sebahagian sektor industri negara baru saja mahu menghidupkan semula operasi masing-masing dengan bantuan dan insentif diberikan kerajaan.

"Insha-Allah, pertimbangan akan dibuat berdasarkan situasi kesihatan rakyat membabitkan wabak COVID-19 dalam beberapa hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai gotong-royong membersihkan balai raya di Kampung Tembiah Program Misi Bantuan Bencana Banjir MITI, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon, merangkap Pengerusi Penggerak Komuniti Negara (PKN) Johor.

Kerajaan sebelum ini menetapkan, aktiviti jualan makanan di restoran, kedai, gerai, kenderaan saji (*food truck*) dan penjaja tepi jalan di negeri terbabit PKP dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi sehingga jam 8 malam.

Kebenaran sama turut diberikan kepada penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan di tepi jalan, kios, kedai runcit dan kedai serbaneka.

Ditanya bila keputusan berhubung rayuan peniaga makanan berkenaan akan diumumkan, Mohamed Azmin berkata, perkara itu akan ditentukan dalam masa terdekat.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan terpaksa menyediakan insentif dan bantuan khas kepada sektor ekonomi yang terjejas sekiranya PKP berlanjutan lebih dua minggu.

"Insentif dan bantuan khas ini sedang diteliti serta dibincangkan bersama Kementerian Kewangan bagi memastikan sektor ekonomi negara tidak lumpuh," katanya.



KERATAN AKHBAR
18 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bersihkan 'Ali Baba' di Pasar Borong Selangor
Muka Surat	:	14



Antara lot perniagaan barangan kering dan basah Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan yang dikuasai warga asing kebanyakannya etnik Rohingya sejak setahun lalu.



Ramai warga asing bekerja di Pasar Borong Selangor sebagai pekerja di kawasan ini berbanding sebelum pandemik COVID-19.

Bersihkan 'Ali Baba' di Pasar Borong Selangor

Pengunjung dimaki, dilayan kasar jika tidak jadi membeli

Oleh Saifee Affendy Razali
 bhnews@bh.com.my

Serdang: Pengunjung Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan di sini, menuntut kerajaan negeri membersihkan perniagaan di situ daripada warga asing seperti di lakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap Pasar Borong Kuala Lumpur di Selangor.

Sejak tahun lalu, DBKL mengambil langkah drastik melarang kehadiran warga asing, sama ada sebagai pekerja atau peniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur dan memastikan hanya pemilik sah menutuskan perniagaan di situ.

Kehadiran tertala ramai warga asing, khususnya etnik Rohingya di Pasar Borong Selangor sejak tahun lalu, sama ada sebagai pekerja atau peniaga yang menyewa lot perniagaan di situ, mencetuskan kebimbangan pengunjangnya.

Pengunjung pasar terbahit mendakwa pernah seolah-olah diugut dan dilayan secara biadab oleh pekerja dan peniaga warga asing di

situ, apabila tidak jadi membeli selepas bertanyakan harga barangan jualan mereka.

Kebahadiran warga asing di situ, dilihat mengusai hampir keseluruhan lot niaga barangan basah seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran dalam pasar borong yang dikendalikan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu.

Berdasarkan syarat pemilikan, Pasar Borong Selangor yang mempunyai 200 lot niaga hanya boleh dikendalikan warga tempatan.

Bagaimanapun, tinjauan *BH* selama hampir empat jam pada Ahmat lalu, mendapati lebih 60 peratus yang bekerja dan berniaga dalam pasar itu adalah warga asing terutama etnik Rohingya, selain ada warga Bangladesh dan Indonesia.

Pengunjung pasar itu percaya, ramai kalangan etnik Rohingya itu berasal dari kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur di Selangor, tetapi berpindah ke situ apabila langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melarang pekerja warga asing di sana.

Pengunjung Pasar Borong Selangor, Saifon Shahrom, 46, yang tinggal berhampiran, mendakwa isterinya beberapa kali dimaki hamun di khlayak ramai oleh pekerja warga asing pasar itu hanya kerana bertanyakan harga barang, tetapi tidak jadi membelinya.

"Kejadian berlaku apabila isteri saya bertanyakan harga untuk seekor ikan, mereka (warga asing) terus membungkusnya sedangkan isteri saya hanya ingin bertanya harga. Apabila tidak jadi membeli, mereka datang ke sini dan memaki hamun isteri saya."

"Boleh dikatakan hampir semua kedai di sini yang dijaja warga asing bersikap kurang ajar apabila seolah-olah memaksa pelanggan yang hanya bertanya harga supaya terus membeli. Ini menimbulkan rasa kurang senang pelanggan," katanya.

Saifon berkata, beliau tertanya-tanya sama ada lot niaga dalam Pasar Borong Selangor yang dijaja warga asing terutama Rohingya itu dimiliki mereka atau sebaliknya kerana tidak melihat pemilik kedai warga tempatan.

Saya yakin, berkemungkinan ada unsur 'Ali Baba' atau untang atas angin, di mana rakyat Malaysia yang memiliki lot niaga di situ sudah menyewakannya kepada warga asing Rohingya pada harga sewaan bulanan yang lebih tinggi," katanya.

Pengunjung, Rozaimi Abdullah, 33, yang sudah ia tahu berbanding di Pasar Borong Selangor itu setiap minggu, mendakwa kehadiran warga asing bekerja di pasar borong itu semakin meningkat sejak tahun lalu.

"Mereka ini selalunya membuat-

kan pembeli merasa terancam, kadang-kadang pembeli terpaksa membeli disebabkan warga asing ini (penjual) meninggalkan saam apabila tidak jadi membeli barang basah yang dijual mereka."

"Pernah saya ingin beli ikan satu kilogram, sebaliknya mereka meletakkan dalam berat dua kilogram. Bila minta kurangkan berat itu, mereka dengan nada marah bertegas tidak membarkannya."

Beliau mendakwa, kelakuan lot atas pembeli di situ bagaikan satu kebiasaan buat warga asing yang berniaga di situ.

"Selain mengancam pembeli, warga asing di sini pengotot dan tidak mengajaib. Mereka gemar makan siren dan suka meludah di sana sini, selain tidak memakai pelitup muka walaupun dalam suasana COVID-19 melanda negara."

"Kita dapat lihat apabila ada rondaan polis, mereka akan segera memakai pelitup muka dan berpura-pura menjaga jarak, namun apabila anggota polis beredar mereka melanggar segala Prosedur Operasi Standard (SOP)," katanya.

Justeru itu, katanya, pengurusan PKPS yang mengendali pasar terbahit wajar mengukut langkah di

ambil DBKL dalam menangani kehadiran warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur sekali gus membaratkan pengunjang rasa selamat, selepas gejala negatif di situ ditangani.

Pengunjung, Ezwan Rozali, 32, dari Seri Kembangan yang menjadikannya pasar borong itu sebagai lokasi membeli barangan basah, mendakwa penjual dalam kalangan warga asing di situ, seolah-olah mempopoli harga barang yang dijual.

"Saya tak nampak lot jualan barang basah di sini dijaja pekerja tempatan. Sekarang, saya dapati penjual atau orang bertanggungjawab ke atas setiap lot niaga adalah warga asing yang kita tidak pasti pekerja atau penilikanya."

"Sekiranya benar warga asing diizinkan menyewakan daripada pemilik asal, maka sudah tentu harga jualan mereka menjadi lebih mahal kerana perlu membayar sewa kepada pemilik asal pada kadar lebih tinggi," katanya.

Jika keadaan ketika ini dikhianatkan berterusan di Pasar Borong Selangor, Ezwan berkata, beliau yakin etnik Rohingya akan menguasai semua jualan barangan serta mendominasi pententuan harga di situ.



Boleh dikatakan hampir semua kedai di sini, yang dijaja warga asing bersikap biadab dan kurang ajar.
 Saifon Shahrom, Pelanggan



Selain mengancam pembeli, warga asing di sini juga bersikap pengotot dan tidak menjaga kebersihan.
 Rozaimi Abdullah, Pelanggan



Daripada peniaga hingga pekerja angkat barang di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan dikuasai warga asing.



KERATAN AKHBAR

18 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PKPS gempur aktiviti 'sewa atas sewa' lot jualan
Muka Surat	:	15

PKPS gempur aktiviti 'sewa atas sewa' lot jualan

Serdang: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengesahkan, kehadiran warga asing di Pasar Borong Selangor antara isu sedang ditanganinya, menerusi pemutihan bagi membanteras perbuatan sewa atas sewa di situ.

Matlamat utama PKPS adalah mengutamakan keselamatan semua pengunjung pasar terbabit supaya selesa ketika berbelanja, dengan keramahan dan kesopanan peniaga serta mereka dan faktor kebersihan iaitu selamat daripada jangkitan COVID-19.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi, berkata pihaknya mahu Pasar Borong Selangor menjadi tempat selamat dikunjungi penduduk membeli barang-barang keperluan terutama ketika ini.

"Untuk itu, beberapa isu perlu diselesaikan iaitu warga asing yang berniaga, mengenal pasti lot jualan yang sudah disewakan, sama ada ia benar-benar dikendalikan orang tempatan sendiri (pemilik lot) atau disewakan kepada orang asing.

"PKPS sedang menyemak, sama ada peniaga setiap lot jualan yang disewakan ini benar-benar menawarkan harga berpatutan sesuai kita pasarkan, terutama dalam masa rakyat menghadapi kesulitan ketika gejala COVID-19 merebak di seluruh negara," katanya.

Beliau mengulas langkah diambil oleh PKPS susulan kehadiran terlalu ramai warga asing di pasar terbabit sehingga menimbulkan keresahan dan rasa kurang selesa dan selamat pengunjung.

Mohamad Khairil berkata, PKPS sudah mengambil langkah proaktif dengan menyita beberapa lot jualan selepas penyewa awal dikesan melakukan kesalahan menyewakannya kepada pihak ketiga termasuk warga asing.

"Tindakan itu menyebabkan harga barangan yang dijual menjadi jauh lebih tinggi daripada sepatutnya, selepas pihak ketiga itu in-

gin mendapatkan kembali bayaran sewa yang dibayar kepada penyewa asal.

"PKPS turut melakukan pantauan harian terhadap lot jualan yang secara sepenuhnya dijaga warga asing tanpa ada kelibat warga tempatan. Ini yang sedang kami buat pemutihan," katanya.

Mohamad Khairil berkata, PKPS menyedari peningkatan warga asing, terutama etnik Rohingya yang kebelakangan ini secara tiba-tiba muncul di kawasan Pasar Borong Selangor.

"Berdasarkan maklumat diterima, mereka dipercayai melarikan diri ke kawasan ini selepas serbuan besar-besaran dilakukan pihak berkuasa terhadap Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang. Kami sedang bekerjasama dengan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, bagi mengatasi masalah ini.

"Saya dapati mereka ini terutama etnik Rohingya yang digaji peniaga tempatan akan melarikan diri setiap kali ada operasi dan pemeriksaan, sebelum kembali semula sebaik polis beredar," katanya.

Beliau berkata, PKPS tidak mempunyai kuasa memeriksa atau menangkap mereka perlu mengharap bantuan Jabatan Imigresen untuk melakukan pemeriksaan atau menggempur warga asing yang cuba mendominasi Pasar Borong Selangor.

"PKPS benar-benar berharap rakyat Selangor khususnya masyarakat setempat menjadikan pasar borong ini sebagai destinasi pilihan membeli barangan keperluan. Mereka boleh membuat aduan terhadap apa juga masalah yang dihadapi di pejabat PKPS dalam pasar itu.

"Selaku Ketua Pegawai Operasi PKPS, saya memberi jaminan akan mengambil tindakan terhadap segala aduan dalam kadar segera, selepas isu yang dibangkitkan disahkan benar-benar berlaku," katanya.



Dr Mohamad Khairil (tengah) bersama pihak pengurusan meninjau Pasar Borong Selangor, semalam.



KERATAN AKHBAR
18 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Azmin nasihat Anwar henti main politik
Muka Surat	:	8

Azmin nasihat Anwar henti main politik

KOTA TINGGI: Datuk Seri Anwar Ibrahim dinasihatkan tidak bermain politik berpanjangan susulan tindakan mendesak semua ahli Parlimen menghantar surat kepada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi memohon perkenan Yang di-Pertuan Agong membatalkan perisytiharan darurat.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, tindakan itu akan memberi kesan kepada rakyat.

Katanya, mereka boleh memberi pandangan dan mengkritik usaha kerajaan namun diminta tidak melibatkan rakyat dalam perkara terbabit.

"Jangan mengheret rakyat kerana mereka memerlukan bantuan dan sokongan daripada kerajaan sama ada dalam kalangan pesakit Covid-19 dan peniaga kecil seperti Mak Cik Kiah.

"Tujuan Proklamasi Darurat dilaksanakan adalah semata-mata bagi me-

angani masalah Covid-19.

"Mengikut Perlembagaan, kita boleh mengambil tindakan untuk menghentikan perjalanan kerajaan negeri, tetapi ini tidak berlaku kerana mahu kerajaan meneruskan tanggungjawab mereka bagi membantu menyelamatkan rakyat," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu Azmin bersama Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohd. Rashid Hasnon bergotongroyong

membersihkan Balai Raya Kampung Tembiah yang merupakan sebahagian Program Misi Bantuan Banjir Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Misi 2021.

Kelmarin, Anwar mencadangkan semua ahli Parlimen menghantar surat kepada Seri Paduka bagi memohon perkenan membatalkan Proklamasi Darurat dan menitahkan sidang Parlimen diadakan secepat mungkin.





KERATAN AKHBAR
18 January 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sajat mengaku jalani pembedahan tukar jantina
Muka Surat	:	23

Sajat mengaku jalani pembedahan tukar jantina

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**
 izzah.nadzi@mediamulia.com.my

SETELAH sekian lama berteka-teki mengenai jantina usahawan kosmetik 'Nur Sajat', akhirnya empunya diri membuat pendedahan mengenai jantina sebenarnya.

Sajat, 36, menerusi Instagram Story (IG Story) mengaku dirinya seorang lelaki dan memberitahu nama sebenarnya adalah Muhammad Sajjad Kamaruzzaman selepas beberapa hari mendiamkan diri kerana kejadian digari.

"Kebaikan dalam agama berpandukan pada pakaian! Muhammad Sajjad bin Kamaruzzaman adalah lelaki. Wakaf macam mana pun hukumnya haram bila kau berpakaian wanita.

"Ini semua haram tau Sajat! Kau tidak layak beragama Islam sebab identiti kau lelaki walaupun kau tidak ada nafsu pada wanita. Semua kata kau lelaki di dalam kad pengenalan walaupun kau sudah menjalani pembedahan penukaran jantina," luah Sajat.

Sajat membuat pengakuan itu selepas disiasat oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengikut Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor berikutan terdapat beberapa aduan mengenai perlakuannya pada



MUHAMMAD SAJJAD mengaku telah menjalani pembedahan penukaran jantina.

2018 dan 2020.

Menerusi sebuah video IGTV di Instagram Sajat, dia menceritakan hal sebenar dirinya digari oleh pegawai JAIS dan ditahan semasa siasatan di Pusat Penahanan Sementara, Kuala Kubu Bharu pada 6 Januari lalu.

Netizen menyifatkan

kejadian itu berpunca daripada Sajat yang tidak memberi kerjasama semasa siasatan dan mengingkari arahan pegawai.

Sebaliknya, dia mendakwa pihak JAIS sengaja menggarinya sehingga menyebabkan kecederaan kerana bergelut untuk mempertahankan diri.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RM100,000 untuk selenggara parit jadi punca kejadian banjir
Muka Surat	:	12

RM100,000 untuk selenggara parit jadi punca kejadian banjir

KOTA TINGGI - Sebanyak RM100,000 diperuntukan untuk kos menyelenggara sistem perparitan di Mukim Pengerang dan Pantai Timur di sini yang dikatakan menjadi punca kejadian banjir di daerah berkenaan.

Menteri Kanan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan segera itu dibuat selepas pihaknya menerima laporan teknikal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pegawai daerah terbabit ekoran kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini.

"Pihak kementerian bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000 supaya kerja-kerja menyelenggara dapat disegerakan dengan proses kerja akan disediakan oleh JPS dan pejabat daerah," katanya selepas program gotong-royong membersihkan Surau Al-Jamaliah Kampung Bukit Raja Darat, Sungai Rengit, Pengerang semalam.

Dalam kejadian banjir baru-



KEADAAN banjir yang berlaku di daerah Kota Tinggi awal bulan ini.

baru ini, seramai 542 penduduk daripada 149 keluarga dari kedua-dua mukim terbabit dipindahkan ke lima pusat pemindahan.

"Ini bukan kali pertama, sudah beberapa kali kawasan ini dilanda banjir dan bencana itu bukan sahaja menjejaskan kediaman penduduk tetapi juga kegiatan ekonomi setempat," katanya.

Berdasarkan kertas laporan

banjir yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kota Tinggi, terdapat lebih 10 sistem perparitan yang perlu segera diselenggara melibatkan enam kawasan peempatan iaitu Kampung Bukit Raja, Kampung Teluk Ramunia, Kampung Dato' Ghani Othman, Taman Bayu Damai, Kampung Bukit Buloh serta Kampung Lepau.



KERATAN AKHBAR 18 January 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tapak semaian curi air
Muka Surat	:	17

Tapak semaian curi air

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertindak memotong bekalan air di sebuah tapak semaian cili fertigasi di Semenyih, semalam kerana menggunakan sumber itu secara tidak sah.

SPAN berkata, tindakan diambil hasil maklumat risikan dan mendapati wujud aktiviti penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang di tapak semaian itu.

“Siasatan menemui sambungan paip tanpa meter yang digunakan bagi tujuan tapak semaian tersebut dan kegunaan harian pekerja.

“Tindakan pemotongan bekalan air diambil serta-merta dan pengusaha akan dipanggil

untuk memberi keterangan untuk diambil tindakan undang-undang,” katanya.

Katanya, operasi berkenaan disertai Unit Penguatkuasaan, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dan Bahagian Penguatkuasaan SPAN.

Menurut SPAN, kes itu disiasat mengikut Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara setahun jika sabit kesalahan.

Pengguna boleh menghubungi talian **03-8317 9333** atau e-mel **aduan@span.gov.my** jika mempunyai maklumat mengenai penyambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang.



ANGGOTA SPAN melakukan pemeriksaan di sebuah tapak semaian cili yang mencuri air di Semenyih baru-baru ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 17 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	KSSB tubuh pasukan khas siasat kejadian tanah runtuh
Muka Surat	:	-

KSSB tubuh pasukan khas siasat kejadian tanah mendap

04h 40min dalam masa 10min • Januari 17, 2021 @ 2:43pm
 bhnews@bh.com.my

Tanah runtuh di Jalan PKPS, kampung Bestari Jaya, pada 15 Januari lalu.

KUALA SELANGOR: Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) merubuhkan pasukan khas bagi menyiasat punca tanah mendap di Jalan PKPS, Kampung Bestari Jaya, pada 15 Januari lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat KSSB, Suhaimi Khalid, berkata pihaknya juga sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan bagi menyiasat punca kejadian.

Katanya, pihaknya sedang mengenal pasti kesakitan dan kerugian lain di tapak serta kaeseran berhampiran.

"Keselamatan tetap menjadi keutamaan KSSB dan kami ingin meyakinkan orang awam bahawa keadaan di lokasi kejadian adalah terkawal."

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Pontun terbahis siasatan pencemaran Sungai Selangor ditarik keluar
- Pantau Sungai Selangor beroperasi sejak 2009 tanpa insiden - KSSB
- 4 lori tercemar mula beroperasi
- Pencemaran sumber air: LUAS teras pantau situasi di Sungai Selangor

"Malah, tidak terdapat risiko kesihatan di alam persekitaran yang berkaitan dikenai pasti pada masa ini," katanya memeneri kenyataan, hari ini.

Dalam pada itu, Suhaimi berkata, pihaknya mengesahkan berlaku mendapan tanah di lot bersebelahan yang menggantung masuk ke tapak operasi penombongan di lokasi kejadian, pada jam 6:45 petang, 15 Januari lalu.

Katanya, berkaitan kejadian itu, tapak operasi terbahis ditutup dan semua aktiviti pengoperasian serta penjualan dihentikan.

"Pasukan Tindakan Kecemasan KSSB sedang bekerjasama bersama bomba dan polis di tempat kejadian untuk memantau keadaan tapak operasi."

"Sehingga kini, tiada kehilangan nyawa dilaporkan," katanya.

Media melaporkan seramai 71 pekerja di dua kilang bersebelahan menepuh detik cemas apabila berlaku tanah mendap berhampiran kilang dan asrama pekerja, ketamam.

Difahamkan, dalam kejadian itu, 58 pekerja kilang menetak alat untuk makanan asyram dan 13 pekerja mengemak tanah lot yang menetap di rumah klongi berkenaan, selamat.

BERITA BERKAITAN

- 71 pekerja tempuh detik cemas tanah runtuh**
 KUALA SELANGOR, 16 Jan 2021 @ 10:05pm
 71 pekerja tempuh detik cemas tanah runtuh
- KSSB siasat kemungkulan tumpahan diesel akibat sabotaj**
 KUALA SELANGOR, 16 Jan 2021 @ 12:46pm
 KSSB siasat kemungkulan tumpahan diesel akibat sabotaj
- Pemancing punca pencemaran Sungai Selangor?**
 KUALA SELANGOR, 16 Jan 2021 @ 12:00pm
 Pemancing punca pencemaran Sungai Selangor?

Disyorkan untuk anda

- North Korea bobbers around with world's strongest weapon
- Travel Nook Picks up \$27.5 Million Bid At Mansion
- Not all face masks are created equal - 7 things to consider to protect yourself
- The cost of real estate in New York might surprise you
- Getting a Degree Online May Have Never Been Easier
- Getting a Job in UK may be easier than you think
- The Ultimate Guide to Starting a Digital Marketing Agency That Sells Clients
- [Pic] The Richest Rockstar Of All Time Is Not Who You Thought

BH ONLINE
 2021 © B1, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhsbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 17 January 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	MPK benar penjaja, peniaga pasar pagi kembali beroperasi mulai esok
Muka Surat	:	-



MPK benar penjaja, peniaga pasar pagi kembali beroperasi mulai esok



Yang Berusaha Majlis Perbandaran Klang (MPK) Di Ahmad Fadzil Ahmad Tajudin. - NSTP-Foto Ihsan MPK

KLANG, Majlis Perbandaran Klang (MPK) membenarkan aktiviti pameran penjaja dan peniaga pasar pagi kembali beroperasi dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, bermula esok. Yang Berusaha MPK, Di Ahmad Fadzil Ahmad Tajudin berkata antara lain semua peniaga dan penjaja hendaklah wajib memaparkan templat QR code untuk memuat naik pelanggan.

Bekas menjelaskan, ketetapan itu bertujuan melindungi peniaga dan penjaja memaparkan duplikat QR code di samping membantu mengawal pergerakan COVID-19.

"Peniaga juga dibenarkan menyediakan kod QR untuk dibincas atau buku rekod kehadiran pelanggan mereka."

DISYOROK UNTUK ANDA

- SOP kelulusan, peniaga pasar malam tangguh operasi
- Doping pelanggan sebagai diwujudkan
- Gabungan penjaja, peniaga kecil rayu kerajaan perimbang langgar sekatan
- Pasar malam tangguh

"Bagi pasar pagi, MPK akan menyediakan kod QR untuk setiap peniaga di lokasi masing-masing. MPK akan menganalisis insiden dan pergerakan. Justeru, keputusan rasmi hendaklah perlu dipaparkan terhadap semua peniaga melalui penjaja dan peniaga pasar," katanya dalam satu kenyataan.



Selain itu, beliau berkata, peniaga dibenarkan memasang tira tembak pandang (exit tira bergantung pada keselamatan dan pengaliran) dan hanya pengaliran masing-masing bagi mengawal masa perjalanan.

"Dengan adanya pemasangan tira itu, peniaga pasar pagi dibenarkan memasang tira bagi pasar pagi hari ini atau setiap minggu bagi pasar pagi minggu, dan pada tiga lagi pengaliran."

"Peniaga juga dibenarkan memaparkan pelanggan yang hadir supaya sentiasa mematu peraturan fizikal sosial semasa. Selain itu, peniaga sendiri harus mengontrol barang yang dijual untuk dibenarkan kepada pelanggan," katanya.

Selain itu, Ahmad Fadzil berkata, peniaga dibenarkan mengambil inisiatif sendiri untuk melakukan kawalan pematuhan SOP di lokasi mereka melalui pasar pagi melalui seperti menggunakan pemantauan anggota Jabatan Sukan dan Rekreasi (JASRA).

